

# PM diminta tarik balik hasrat tidak bertanding

UM 15 SEP 2002

KUALA LUMPUR 14 Sept. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad diminta menarik balik hasratnya untuk tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

**Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob** berkata, Perdana Menteri perlu bersama-sama dengan penggantinya yang dinamakan iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi membawa parti dan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya akan datang.

“Saya merasakan pemikiran dan juga segala ide yang selama ini ada pada Perdana Menteri boleh digunakan pada pilihan raya akan datang.

“Kita lihat ulasan Perdana Menteri dan dasar-dasar yang dilaksanakan dengan penuh kebijaksanaan walaupun kadang-kadang orang ramai tidak boleh baca, tetapi ternyata akhirnya keputusan yang dibuat adalah betul,” katanya di sini hari ini.

Dr. Mahathir telah menyatakan hasratnya untuk tidak akan bertanding lagi pada pilihan raya umum akan datang semasa menghadiri Majlis Perhimpunan Mesra Rakyat di Kedah, semalam.

---

## Pengalaman

Adnan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pahang berkata pengalaman politik Perdana Menteri sejak dari zaman Malayan Union sehingga kini amat penting buat BN dalam menghadapi pilihan raya akan datang.

“Kita akui Perdana Menteri ada hak membuat keputusan itu, namun kita juga ada hak untuk Perdana Menteri timbangkan semula keputusan itu,” kata Adnan.

**Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam** yang juga meminta Dr. Mahathir supaya menarik balik hasratnya itu berkata, walaupun Perdana Menteri telah memutuskan untuk melepaskan semua jawatannya dalam Kabinet, ia tidak bermakna beliau harus terus bersara dari politik.

“Kepimpinan Dr. Mahathir masih diperlukan oleh rakyat. Beliau perlu terus bertanding dan menjadi anggota Parlimen untuk memperjuangkan nasib rakyat,” katanya hari ini.

Sementara itu, **Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu** berkata parti itu menghormati keputusan Dr. Mahathir walaupun negara kehilangan tokoh pemimpin yang berwibawa.

“Walaupun Perdana Menteri tidak bertanding tetapi beliau berjanji akan membantu memastikan kemenangan BN pada pilihan raya akan datang dan hal itu merupakan suntikan semangat,” katanya selepas Majlis Penyerahan Sumbangan untuk Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia (AIMST) di sini hari ini.